



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	20/8/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	37
JABATAN	:	TNB			

GCAP, TNB meterai perjanjian beli tenaga

BH, 20 Ogos
2021_37

G Capital Bhd (GCAP) mengukuhkan kedudukannya dalam segmen tenaga boleh diperbaharui apabila menandatangani Perjanjian Pembelian Kuasa Tenaga Boleh Diperbaharui (REPPA) untuk 21 tahun dengan Tenaga Nasional Bhd (TNB).

Anak syarikat 96 peratus milik kumpulan itu, Gunung Hydropower Sdn Bhd, pada 12 Ogos lalu menandatangani REPPA dengan TNB untuk tempoh konsesi Feed-in-Tariff (FiT) selama 21 tahun bagi menjana kuasa elektrik daripada loji kuasa hidro 10.0 MW yang terletak di Sungai Perak, Salu di Perak.

Pengarah Eksekutif GCAP, Tan Sri Dr Ali Hamsa, berkata pihaknya berbangga dengan satu lagi pencapaian hebat kumpulan itu yang berjaya menandatangani REPPA dengan TNB empat

bulan lebih awal daripada tarikh akhir iaitu pada 15 Disember ini,

Katanya, ini menandakan keyakinan daripada TNB terhadap kualiti dan persiapan kelengkapan Gunung Hydropower dan GCAP untuk maju ke tahap berikutnya untuk menyelesaikan dan mengoperasikan loji pada 15 Disember 2025.

“REPPA dijangkakan untuk menghasilkan potensi pendapatan lebih daripada RM400 juta kepada kumpulan dalam jangka waktu 21 tahun dari tarikh penyelesaian dan pengoperasian loji ini.

“Ini berdasarkan kadar FiT sebanyak RM0.2898 per kilowatt-jam dan anggaran pengeluaran tahunan 68-gigawatt jam elektrik akan dihasilkan dari loji berkenaan,” katanya dalam kenyataan semalam.

